

Masalah Pembanci Adalah Ketiadaan Penghuni Pada Waktu Siang



Pengawai Banci, Mohd Hazli, 31, meletakkan borang 'DOPU' (Drop off-Pick up) pada sebuah rumah yang tiada penghuni semasa proses Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010. Foto: Ashraf Zaharin

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Antara masalah besar yang dihadapi oleh pembanci dalam Bancian Penduduk dan Perumahan Malaysia (BPPM) kelima yang bermula Selasa adalah ketiadaan penghuni di rumah pada waktu siang.

Berdasarkan tinjauan dan temubual Bernama pada hari pertama dengan pembanci di kawasan Bukit Bintang, mereka terpaksa menjalankan bancian pada waktu malam disebabkan masalah ketiadaan penghuni.

Pembanci, Mohd Azli Mohd Zuki, 31, berkata, jika tiada penghuni, beliau akan meninggalkan borang di hadapan rumah tersebut dan akan mengambilnya dalam masa tiga hari.

"Di dalam borang itu mengandungi soalan tentang maklumat penghuni rumah yang perlu diisi oleh mereka, selain saya akan menulis nombor telefon saya untuk dihubungi," katanya.

Disebabkan ketiadaan penghuni, pembanci hanya dapat menjalankan bancian di dua buah rumah sahaja dan kedua-dua buah rumah tersebut dihuni oleh penduduk Myanmar.

Bagi rumah pertama, masalah yang dihadapi pembanci ialah penghuni tersebut tidak mengetahui maklumat penghuni lain di dalam rumahnya menyebabkan kerja-kerja bancian tidak dapat dijalankan dengan sempurna.

Bagaimanapun, tiada masalah di rumah kedua, kerana ketua rumah tersebut yang juga warga Myanmar merupakan pemegang kad Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (UNCHR) bekerjasama dengan baik serta dapat memberi maklumat secukupnya kepada pembanci.

Azli mengandaikan penghuni di kawasan tersebut adalah pendatang asing berdasarkan faktor lokasi serta dua buah rumah yang telah dibanci.

"Mengikut pemerhatian, daripada dua buah rumah yang sudah dibanci dan persekitaran kawasan itu, saya mengandaikan kemungkinan yang tinggal di sini lebih daripada 500 orang yang bekerja di sektor buruh dengan pendapatan RM600 hingga RM700 seorang," katanya.

Sementara itu, Penolong Pengarah Jabatan Perangkaan Wilayah Persekutuan, Rushdi Mohd Khir berkata, bilangan pendatang asing yang diperolehi melalui bancian dapat membantu kerajaan mengenalpasti kepakaran mereka yang boleh disumbangkan kepada negara ini.

"Selain itu kita juga memerlukan kemahiran mereka, contohnya buruh binaan asing yang kita gunakan, katanya kepada Bernama ketika dihubungi di sini hari ini.

Rushdi berkata terdapat lima kategori bancian untuk penduduk bukan warganegara iaitu penduduk tetap, pegawai dagang, pelawat, pelajar dan pekerja asing.

Bancian yang dibuat setiap sepuluh tahun sekali ini bermula hari ini dan akan berakhir pada 22 Ogos.

Di Kuala Lumpur seramai 1,664 pembanci ditugaskan untuk membuat bancian di 11 kawasan mengikut parlimen dan setiap seorang dianggarkan akan membanci kira-kira 300 buah rumah.